

Untuk tingkat kejayaan
dalam tahun 1989

MAHATHIR MAHU RAKYAT POSITIF

KUALA LUMPUR 31 Dis. —
Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengajak rakyat supaya bertekad menghadapi tahun 1989 dengan sikap positif, penuh keyakinan serta ketabahan untuk meningkatkan lagi kejayaan.

Menurut Perdana Menteri, pelbagai kejayaan dapat terus dicapai dan dinikmati bersama sekiranya rakyat negara ini dapat mengekalkan perpaduan, persefahaman serta saling bekerjasama seperti mana yang dibuat pada masa lalu.

“Walaupun kita masih menghadapi beberapa masalah, ia tidak seharusnya digunakan sebagai alasan untuk tidak bekerjasama dan bersatu-padu,” katanya dalam perutusan sempena Tahun Baru 1989 yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Malaysia malam ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu terdapat golongan tertentu cenderung menggunakan masalah itu untuk mengeruhkan lagi keadaan dengan menggunakan masalah itu bagi kepentingan mereka sendiri.

Tambahnya, memanglah mudah bagi sesebuah parti politik atau seseorang ahli politik untuk membangkitkan sentimen perkauman tetapi perkara ini tidak boleh dibiarkan keterlaluan sehingga tidak terkawal.

Kerajaan, tambahnya, tidak akan teragak-agak untuk menjalankan tanggungjawab jika sikap liberal kerajaan disalahkan.

Beliau juga berkata, bahawa kerajaan berbangga kerana politik perkauman tidak begitu tebal sepanjang tahun 1988 dibandingkan dengan setahun dua yang lalu.

Bagaimanapun, menurut beliau, kita perlu memantapkan lagi ketahanan bagi menghadapi cabaran baru daripada sebab atau punca yang sama atau dalam manifestasi yang berlainan terhadap keselamatan negara.

"Bagi menentukan negara sentiasa berada dalam keadaan aman dan tenteram semua pihak hendaklah lebih peka dan waspada akan sensitiviti sensitiviti yang berkaitan," ujar beliau lagi.

Perdana Menteri juga berkata, hampir semua bidang termasuk sosial, ekonomi, politik dan keselamatan negara pada tahun 1988 memperlihatkan pemulihan serta stabil.

Keadaan politik negara, ujarnya, beransur stabil dan keselamatan pula lebih terjamin dan walaupun ada beberapa perkara yang tidak diingini berlaku ia tidaklah membawa kepada kucar-kacir.

Di samping itu, katanya, masalah dalam parti-parti politik di negara ini kian reda manakala pemulihan UMNO pula meyakinkan bukan sahaja penduduk tempatan tetapi juga pelabur asing mengenai kestabilan negara ini.

"Walaupun pemulihan belum dapat dicapai dengan sepenuhnya tetapi rakyat yang bertanggungjawab dan cinta akan keamanan dan negara akan menentukan segala masalah dapat diatasi," tegas Datuk Sri Dr. Mahathir lagi.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga mengingatkan rakyat supaya meningkatkan lagi produktiviti

LIHAT MUKA 13

Mahathir mahu rakyat positif

dan jangan sekali-kali mengabaikannya memandangkan keadaan ekonomi negara kian pulih.

"Kenaikan gaji tanpa meningkatkan produktiviti akan mengurangkan keupayaan untuk bersaing dengan baragah kluaran negara-negara lain sama ada di pasaran tempatan atau antarabangsa," tambah beliau.

Menurut Perdana Menteri, sekiranya keadaan ini berlaku pendapatan perusahaan akan merosot.

Tegas beliau, ini tidak dapat tidak akan menjajikan pendapatan pekerja dan menyebabkan berlakunya pengangguran selain dari merosotnya perolehan negara dan akhirnya memberikan kesan buruk kepada pembangunan.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menggesa supaya tumpuan diberikan kepada usaha untuk mengatasi masalah dan bukannya untuk menghalang sesuatu usaha.

"Kejayaan berbagai

projek dan dasar kerajaan dalam tahun 1988 membuktikan kerajaan tidaklah begitu salah seperti mana yang didakwa oleh setengah pihak," tambahnya lagi.

Beliau turut menasihatkan rakyat terutamanya cerdik pandai supaya menunjukkan sikap yang lebih positif terhadap rancangan-rancangan atau dasar-dasar ini.

Kelewatan dalam melaksanakan sesuatu projek, tambahnya yang disebabkan oleh beberapa gangguan akan hanya menyebabkan bertambahnya kos serta merugikan rakyat sahaja.

Kepada mereka yang mudah terpengaruh dan ingin menjadi kaya segera melalui pengedaran dadah beliau menasihatkan mereka supaya memikir dengan mendalam akan balasan kerana melanggar undang-undang.

"Agak terlalu lewat untuk menyesal apabila hukuman gantung dijatuhkan," tegasnya.

Berhubung dengan pe-

milihan negara menjadi tuan rumah Sakan SEA dan mesyuarat ketua-ketua negara Komanwel 1989, Perdana Menteri menyifatkannya sebagai peluang terbaik untuk meningkatkan lagi maruah negara di mata dunia.

Beliau menaruh keyakinan dengan kerjasama semua pihak Malaysia akan dapat menjadi tuan rumah yang beradab dan beradat selain dari menjadikannya terkenal di mata dunia.

Sempena dengan Tahun Baru 1989 ini Perdana Menteri menyeru semua pemandu supaya memandu dengan cermat kerana kadar kemalangan di negara ini terlalu tinggi yang mana kebanyakannya disebabkan oleh kegopoh-pemandu.

"Marilah kita membat resolusi untuk memandu dengan lebih cermat mulai tahun ini supaya keluarga dan pengguna jalan raya yang lain terselamat," tambahnya lagi.